



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAJUK : “PADAH BERBURUK SANGKA”.

20 FEBRUARI 2015M / 01 JUMADA AL-ULA 1436H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

(Fusilat : 23) وَأَذَلِكُمْ ظَنُّكُمُ الَّذِي ظَنَنْتُمْ بِرَبِّكُمْ أَرَدْتُمْ فَأَصْبَحْتُمْ مِنَ الْخٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama kita berpegang kepada tali Allah SWT yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah SWT yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya : *“Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah”.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“PADAH BERBURUK SANGKA”**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Melalui kehidupan seharian, kita akan melihat kerenah manusia yang pelbagai ragam. Kehidupan yang kita jalani ini tidak akan terlepas daripada segala macam prasangka dan penilaian terhadap pemerhatian dan pemikiran. Prasangka yang datang dan hinggap di hati kita ibarat debu halus yang melekat pada pakaian, lambat laun jika tidak dibersihkan akan membawa kepada kekotoran.

Manusia sebenarnya sering keresahan dan tidak tenang jiwa mereka akibat hati dan minda yang terangsang untuk berburuk sangka terhadap apa yang dilihat dan apa yang dirasakan. Lebih terkesan apabila menyibukkan diri untuk menilai perilaku atau hal orang lain sehingga lupa akan kelemahan dan keburukan diri sendiri.

Salah satu tujuan besar yang hendak dicapai oleh syariat Islam adalah membangun peribadi mulia dan membentuk masyarakat muslim yang ideal, masyarakat yang penuh dengan kehidupan berkasih sayang, tolong menolong, hidup dalam kerukunan dan kesejahteraan, memelihara nilai persahabatan dan mengukuhkan perpaduan. Masyarakat yang dibangunkan atas dasar hubungan yang baik dan saling menghargai pasti bukannya tempat bagi mereka yang ego dan mementingkan diri sendiri.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat, ayat 12:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ

بَعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَتُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ

تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠١﴾

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah diri daripada prasangka (supaya kamu tidak menyangka yang buruk), kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah kamu mengumpat orang lain. Sukakah seseorang daripada kamu memakan daging saudaranya yang telah mati?, maka sudah tentu kamu berasa jijik. Oleh itu patuhilah larangan tersebut dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah menerima taubat, lagi Amat Mengasihani.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ayat tersebut secara terang dan jelas melarang kita bersangka buruk, membuka keaiban orang lain dan mengumpat. Namun, pada hari ini segala perbuatan ini seolah-olah telah menjadi satu kebiasaan. Sebarang cerita yang timbul tanpa dipastikan kesahihannya telah disebar meluas sehingga yang mendengar atau membacanya mengumpat, mengadu domba dan lebih menyedihkan memberi hukuman sebelum jelas kebenaran akan perkara tersebut.

Bermula dengan bersangka buruk, menuduh secara dusta, mencari-cari kesilapan, membuka keaiban dan akhirnya terus tersebar melalui umpatan dan sebagainya. Semua perbuatan ini nyata sangat keji dan dilarang dalam Islam. Prasangka buruk terhadap sesama manusia adalah halangan dalam menjalin hubungan baik dengan orang lain.

Islam menganjurkan umatnya melakukan yang terbaik, berbicara perkara yang baik, beradab sopan dan menjalin hubungan sebaik-baiknya. Andai kita tidak yakin dengan kebaikan kata-kata yang diucapkan, diam itu lebih bermanfa'at.

Daripada Abu Hurairah RA, katanya Rasulullah SAW bersabda: *“Jauhilah daripada berprasangka kerana berprasangka merupakan seburuk-buruk perbicaraan, serta janganlah mengintip-intip dan mencari-cari kesalahan orang lain, janganlah kamu saling berdebat, saling menghasut, saling membenci dan saling membelakangi, tetapi jadilah hamba Allah yang bersaudara sebagaimana yang diperintahkan kepada kamu. Orang Islam adalah saudara bagi orang Islam yang lain, tidak boleh saling menganiaya, membiarkan, mendustakan, dan saling menghina. Taqwa itu disini, (sambil) Baginda mengisyaratkan (telunjuk) ke dadanya tiga kali. Cukuplah seseorang dikatakan orang jahat (buruk perangai) apabila dia menghina saudaranya yang Islam. Setiap orang Islam terhadap orang Islam yang lain adalah haram darahnya ditumpahkan, kehormatannya dicabul dan hartanya dirampas. Sesungguhnya Allah tidak memandang tubuh badan, rupa dan amal-amal perbuatanmu, tetapi Allah memandang kepada hati.”* (HR Bukhari dan Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Berprasangka buruk menjadi virus yang semakin menular dalam kehidupan masyarakat sekarang. Sejak akhir-akhir ini masyarakat semakin ghairah mengeluarkan kenyataan tanpa memikirkan kesannya terhadap individu atau sensitiviti seseorang. Medan sebaran menjadi semakin luas dengan kecanggihan teknologi yang semakin berkembang pesat. Mendapat satu cerita terus disebar, sama ada melalui perbualan lisan mahupun melalui perbualan di dalam telefon, *facebook*, *instagram*, *twitter* dan *whatsApp*. Apatah lagi apabila sebaran itu lepas daripada seorang kepada yang lain. Paling menyedihkan apabila banyak perkara atau cerita yang ditokok tambah daripada yang asal dan lebih mendukacitakan apabila kebaikan orang lain ditafsir sebagai mempunyai agenda dan matlamat tersendiri.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنِ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ

(al-Hujurat:6)

نَدِيمِينَ

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik (berakhlak buruk) membawa sesuatu berita, maka selidiklah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini disebabkan kejahilan kamu mengenainya, sehingga menjadikan kamu menyesal atas apa yang telah kamu lakukan.”*

Allah SWT mengurniakan nikmat kehidupan yang semakin berteknologi tinggi kepada manusia. Namun jika kita tidak mengaplikasikan teknologi ini kepada perkara-perkara yang membangunkan ummah, masyarakat Islam akan menuju kehancuran. Menerima apa sahaja perkara tanpa menyiasat kesahihannya akan menimbulkan prasangka buruk. Umat Islam sepatutnya tidak menjadikan teknologi sebagai saluran penyebaran sumber negatif. Banyak lagi perkara baik yang dapat disebar dalam menjaga keharmonian umat sejagat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Rasulullah SAW sering mengingatkan umatnya supaya menjaga adab dan akhlak kerana peribadi muslim yang baik melambangkan keunggulan Islam di mata dunia. Islam itu adalah gambaran kesempurnaan segala perkara dalam kehidupan termasuk tingkahlaku. Sebagai muslim yang beriman kita perlu membersihkan hati serta fikiran dalam menilai sesuatu perkara kerana hati yang hitam akan membutakan segala kebaikan yang berada di depan mata. Kesannya sangat besar dan pelbagai masalah akan timbul andai kita membiarkan perkara ini menguasai hati dan pemikiran kita.

Antaranya:

1. Masyarakat berpecah belah. Hal ini sangat merugikan ummah dan negara. Umpama pepatah Melayu ***“kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa”***.

2. Merosakkan jiwa dan meninggalkan noda serta titik hitam dalam hati dan sanubari kita.
3. Timbul perasaan benci, dendam dan sakit hati. Apapun kebaikan yang jelas tetap disangka buruk.
4. Menimbulkan jurang antara satu sama lain. Rakan, sahabat, saudara mara malah keluarga akan menjauhkan hubungan, dan silaturrahim semakin renggang.

Kesimpulannya, hindarilah perbuatan berburuk sangka kerana sesungguhnya Allah SWT mengetahui segala isi hati dan pemikiran kita. Oleh itu sebaik-baiknya:

1. Jangan suka mencari kekurangan dan kesilapan orang lain. Manusia itu sifatnya pelupa. Setiap daripada kita pernah melakukan kesalahan. Bukanlah tugas utama kita untuk menghukum kesalahan orang lain berdasarkan pandangan luaran sahaja. Tidak sepatutnya kita menilai orang lain untuk membandingkan dengan diri kita. Sebaliknya memberi penghargaan atas perbuatan orang lain akan membantu mengelakkan perasaan dengki yang bersarang dalam hati.
2. Perbaiki diri dan bersihkan hati daripada sifat mazmumah. Syaitan memerangkap manusia sehingga terbuai dan terlena menikmati godaannya. Jiwa yang lemah mudah dirasuki oleh pemikiran yang negatif sehingga apapun yang kita nampak dan lihat tetap kita nilai sebagai negatif. Jangan cepat

menyebarkan perkara negatif yang kita lihat kerana kemungkinan ia bukan seburuk yang kita sangkakan.

3. Muhasabah diri dan mantapkan hati dengan nilai-nilai murni. Sarana yang penting agar diri terhindar daripada prasangka buruk adalah dengan muhasabah diri setiap hari. Hal ini akan memberi ruang kepada kita untuk menilai kekurangan diri sendiri berbanding menilai kekurangan orang lain.
4. Bergaullah dengan cara yang baik. Libatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan untuk menanam sifat tolong menolong dan merapatkan jurang perbezaan antara satu sama lain.
5. Bersyukur lah atas rezeki kurniaan Allah SWT. Setiap hamba-Nya dikurniakan rezeki mengikut kemampuan masing-masing. Terimalah dengan seadanya tanpa memikirkan hak-hak orang lain.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama menghindari daripada berprasangka buruk sesama kita. Apabila mulut sudah mengeluarkan kata, tiada istilah 'u-turn'. Apa yang terjadi selepas itu semakin memburukkan lagi keadaan. Perbuatan yang pada awalnya dilakukan dalam kelompok kecil, tetap akan tersebar juga akhirnya. Dalam usaha untuk kita bersangka baik, nilailah fakta dengan seadilnya, bukan dengan sangkaan kurang bijaksana dan janganlah mengambil urusan Allah dengan menghukum perbuatan orang lain. Jika ingin mencapai taqwa,

berlaku adil dalam menilai. Imam Nawawi dan Ibn Hajar dalam kitab mereka ‘Syarhul Muslim dan Fathul Bari’ menyatakan:

“Sesungguhnya manusia tidak diletakkan tanggungjawab untuk menilai urusan luar perkara yang zahir, dan apa jua urusan yang terselindung itu cukuplah sekadar urusan Allah dengan hamba-Nya.”

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: “dan janganlah engkau menuruti apa-apa yang engkau tidak ada pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran, penglihatan, hati serta semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.